

AKAD YANG DILAKSANAKAN DALAM APLIKASI FOODPANDA: SATU TINJAUAN

Muhammad Ilhamuddin Arsad*

Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa
Universiti Melaka
ilhamuddin@unimel.edu.my

**Corresponding author*

Received Date: 15 October 2022

Accepted Date: 1 November 2022

Published Date: 31 December 2022

ABSTRAK

Aplikasi perdagangan elektronik telah berkembang pesat sehingga semua pemilik peranti elektronik boleh menggunakannya. Aplikasi perdagangan elektronik sebagai contoh Foodpanda telah menjadi aplikasi utama yang digunakan oleh rakyat Malaysia dalam urusan perniagaan, transaksi malahan juga pekerjaan. Maka, berdasarkan kepada kepesatan teknologi yang terdapat pada aplikasi Foodpanda yang merupakan salah satu daripada bentuk perdagangan elektronik, maka akad-akad yang terkandung di dalamnya dilihat semakin kompleks. Agama Islam sendiri menitik beratkan akad yang sah dalam suatu transaksi. Hal ini semestinya bagi mengelakkan berlaku kezaliman atau mencari keuntungan dengan cara yang salah dalam suatu transaksi. Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti akad yang dilaksanakan dalam penggunaan aplikasi Foodpanda ialah selaras dengan apa yang diperuntukkan oleh syarak. Selain itu, penulisan ini juga ialah untuk mengenalpasti peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan aplikasi Foodpanda yang merupakan salah satu bentuk perdagangan elektronik. Tambahan lagi, penulisan ini juga bertujuan untuk mengenalpasti kes-kes yang berlaku berkaitan dengan perdagangan elektronik. Kajian ini menggunakan metodologi kajian perpustakaan untuk mendapatkan maklumat. Seterusnya, kajian ini dihasilkan menerusi analisis terhadap konsep akad-akad yang terdapat pada aplikasi Foodpanda, peruntukan undang-undang dan juga kes-kes yang berkaitan. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat dua akad yang dilaksanakan apabila seseorang itu menggunakan aplikasi Foodpanda untuk melakukan pembelian.

Kata kunci: Foodpanda, aplikasi perdagangan elektronik, akad, perundangan perdagangan elektronik

AGREEMENTS (AKAD) IMPLEMENTED IN THE FOODPANDA APPLICATION: AN OVERVIEW

ABSTRACT

Electronic commerce applications have grown so rapidly that all owners of electronic devices can use them. Electronic commerce applications such as Foodpanda have become the main applications used by Malaysians regarding business matters, transactions and even profession. So, based on the technological sophistication in Foodpanda application which is one of the forms of electronic commerce, the agreements contained in it are seen to be increasingly complex. Islam itself emphasizes a valid contract in a transaction. This is necessary to avoid tyranny or seeking profit in a wrong way in a transaction. The objective of this study is to identify the contract implemented in the use of the Foodpanda application is in accordance with the provisions of syarak. In addition, this writing is also to identify the legal provisions related to the Foodpanda application which is one of the forms of electronic commerce. Furthermore, this writing also aims to identify cases that occur related to electronic commerce. This study uses library research methodology to obtain information. This study was produced through an analysis of the concept of contracts found on the Foodpanda application, legal provisions and also related cases. The results of this study found that there are two contracts that are executed when a person uses the Foodpanda application to make a purchase.

Keywords: Foodpanda, electronic commerce application, contract, electronic commerce legislation

PENDAHULUAN

Pada zaman kini hampir kesemua rakyat Malaysia memiliki peranti elektronik. Maka melalui kecanggihan peranti elektronik tersebut, kesemua penggunanya dapat menggunakan aplikasi yang wujud di dalamnya untuk kemudahan kehidupan sehari-hari. Antara kebaikan yang diperoleh oleh pengguna-pengguna peranti elektronik ialah mereka dapat mengumpulkan maklumat dengan lebih cepat, menonton video-video berkaitan perkara yang berlaku dalam dunia ini dan juga dapat melaksanakan transaksi jual beli.

Transaksi jual beli yang melibatkan penjual dan pembeli merupakan salah satu aktiviti yang berlaku sejak dahulu dalam kehidupan manusia. Barang-barangan atau perkara yang termasuk dalam jual beli ini semestinya melibatkan pelbagai perkara seperti contoh makanan, pakaian dan juga tempat tinggal. Antara kemajuan yang wujud dalam teknologi zaman kini ialah pada kewujudan aplikasi yang mana pembeli tidak perlu keluar daripada kediaman mereka untuk membeli makanan dan makanan tersebut akan dihantar ke kediaman mereka.

Antara aplikasi yang terdapat di dalam peranti elektronik yang boleh digunakan oleh setiap penggunanya ialah Foodpanda. Menerusi penggunaan aplikasi ini, pembeli boleh memesan makanan yang mereka inginkan, lakukan pembayaran di dalam aplikasi yang sama dan dalam jangka masa yang dinyatakan di dalam aplikasi tersebut, maka makanan yang dipesan akan tiba di kediaman mereka. Maka, melalui pelaksanaan Foodpanda ini, artikel ini akan membincangkan berkenaan tinjauan terhadap akad yang dilaksanakan menerusi aplikasi Foodpanda yang digunakan menerusi aplikasi Foodpanda yang digunakan oleh pengguna peranti elektronik. Hal ini kerana daripada penggunaan aplikasi Foodpanda ini, wujudnya pelaksanaan akad bermulanya daripada pesanan yang dilakukan oleh pembeli makanan,

penerimaan oleh sistem kemudiannya diterima oleh penghantar makanan, pengambilan makanan yang dipesan pengguna dan sehingga tiba makan tersebut di kediaman pembeli makan tersebut dihantar oleh penghantar makanan.

Berdasarkan kepada situasi yang telah nyatakan berkenaan penggunaan aplikasi Foodpanda untuk memesan makanan, sistem Foodpanda menerima pesanan dan penghantar makanan mengambil seterusnya menghantar kepada pembeli makanan, maka dapat dikenalpasti terdapat akad-akad yang dilaksanakan.

AKAD QARDH

Akad pertama yang dilihat berlaku iaitu transaksi *qardh*. Akad ini ialah akad pinjaman yang mana sistem Foodpanda menerima pesanan pembeli makanan, kemudian mendahului wangnya untuk membayar makanan yang dibeli tersebut dan akan dibayar semula oleh pembeli makanan setelah makanan yang dipesan tadi diterima oleh pembeli makanan. Transaksi *qardh* ialah akad pinjaman yang melibatkan antara dua pihak. Iaitu sebagai contoh, peminjam meminjam sejumlah wang daripada pemberi pinjam dan kemudian digantikan semula dengan jumlah yang sama seperti sewaktu akad pinjaman tersebut termeterai. Pembayaran semula boleh dilakukan menerusi pembayaran secara ansuran ataupun dilangsaikan kesemuanya.

Dalil hukum yang membenarkan kepada pelaksanaan *qardh* ialah berdasarkan kepada ayat Al-Quran Surah Al-Baqarah ayat 245 yang bermaksud:

مَنْ ذَا الَّذِي يُفْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيَضَعِفُهُ اللَّهُ أَضْعَافًا كَثِيرًا ۝ وَاللَّهُ يَعْلِمُ وَيَسْطُطُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ

Maksudnya: Siapakah orangnya yang (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (yang ikhlas) supaya Allah melipatgandakan balasannya dengan berganda-ganda banyaknya? Dan (ingatlah), Allah jualah Yang menyempit dan Yang meluaskan (pemberian rezeki) dan kepadaNyalah kamu semua dikembalikan.

(Al-Baqarah 1:245)

Selain itu, daripada ayat Al-Quran Surah Al-Baqarah ayat 280, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

وَإِنْ كَانَ دُولْعَسْرَةً فَنَظِرْتُ إِلَى مَيْسَرَةٍ وَأَنْ تَصَدَّقُوا خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya: Dan jika orang yang berhutang itu sedang mengalami kesempitan hidup, maka berilah tempoh sehingga ia lapang hidupnya dan (sebaliknya) bahawa kamu sedekahkan hutang itu (kepadanya) adalah lebih baik untuk kamu, kalau kamu mengetahui (pahalanya yang besar yang kamu akan dapati kelak).

(Al-Baqarah 1:280)

Tambahan lagi, wujud dalil hadis berkenaan *qardh*, Dari Abu Hurairah Radhiyallahu ‘anhу bahwa Nabi Shallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda:

مَنْ نَعْسَنَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنْ كُرْبَ الدُّنْيَا، نَعْسَنَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبَ يَوْمِ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ يَسْرَ عَلَى مُعْسِرٍ يَسْرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَاللَّهُ فِي عَوْنَى الْعَبْدِ مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنَى أَخْيَهِ

Maksudnya: “Barangsiapa menghilangkan suatu kesusahan dari seorang muslim dari kesusahan-kesusahan dunia, nescaya Allah akan menghilangkan darinya kesusahan dari kesusahan-kesusahan akhirat. Dan barangsiapa yang memberi kemudahan kepada orang yang mu’sir (kesulitan membayar hutang), nescaya Allah akan memudahkannya di dunia dan di akhirat. Dan Allah selalu menolong hamba-Nya selama hamba tersebut menolong saudaranya.”

(Riwayat Muslim)

Dari Ibnu Mas’ud Radhiyallahu anhu bahwa Nabi Shallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda yang bermaksud:

مَا مِنْ مُسْلِمٍ يُقْرِضُ مُسْلِمًا قَرْضًا مَرَّتَيْنِ إِلَّا كَانَ كَصَدَقَتْهَا مَرَّةٌ

Maksudnya: “Tidaklah seorang muslim memberi pinjaman kepada muslim yang lain dua kali kecuali, ia seperti menyedekahkannya sekali.”

(Sunan Ibnu Majah)

Maka berdasarkan kepada dalil-dalil ayat Al-Quran dan hadis yang dinyatakan, jelas di sini transaksi *qardh* ini ialah suatu transaksi yang dibenarkan di dalam agama Islam. Perlaksanaan transaksi *qardh* ini melibatkan syarat dan rukun *qardh* itu sendiri. Transaksi *qardh* ini diputuskan sebagai sempurna apabila semua pihak yang terlibat syarat dan rukun tersebut. Antara perkara tersebut ialah peminjam (*muqtaridh*). Peminjam dalam urusan transaksi ini mestilah seorang yang *ahliyah*, iaitu seseorang itu mestilah berakal waras dan cukup umur. Kemudian, pemberi pinjaman (*muqriddh*) juga mestilah seorang yang *ahliyah*, yang bermaksud seseorang itu boleh menguruskan hartanya secara mutlak menurut Syarak. Apabila merujuk kepada transaksi *qardh*, maka *muqriddh* tersebut meminjamkan wangnya tanpa paksaan daripada orang lain.

Perkara lain yang termasuk dalam rukun dan syarat *qardh* ialah barang/ hutang (*mauqud a’laih*). Barang atau hutang ini digunakan dalam bentuk objek untuk transaksi *qardh* haruslah dapat diakad secara salam. Menerusi akad *salam* ini, maka barang ataupun objek tersebut dianggap sah untuk dijadikan sebagai hutang. Kemudian, perkara lain yang termasuk bagi rukun dan syarat untuk *qardh* ini ialah *ijab qabul* (*sighah*). Ucapan dalam *ijab qabul* atau penerimaan ini seharusnya dilakukan dengan jelas dan difahami oleh pihak-pihak yang berakad.

AKAD IJARAH

Manakala, transaksi kedua yang berlaku dalam transaksi melibatkan pesanan makanan dalam aplikasi Foodpanda sehingga makanan tersebut diantar dan diterima oleh pembeli makanan tersebut ialah transaksi *ijarah*. Transaksi *ijarah* yang berlaku ialah apabila upah diberikan kepada pengantar makanan yang menyempurnakan tugasnya mengantar makanan kepada

pembeli sesuai dengan kadar upahnya. Dalil hukum berkenaan transaksi *ijarah* yang berlaku boleh dirujuk pada ayat Al-Quran Surah Al-Talaq ayat 6 yang bermaksud:

أَسْكِنُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ سَكَنُتُمْ مِنْ وُجْدِكُمْ وَلَا تُضَارُوهُنَّ لِتُضَيِّقُوا عَلَيْهِنَّ ۝ وَإِنْ كُنَّ أُولَاتٍ حَمْلٍ فَأَنْفَقُوا عَلَيْهِنَّ حَتَّىٰ يَضْعُنَ حَمْلَهُنَّ ۝ فَإِنْ أَرْضَعْنَ لَكُمْ فَآتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ ۝ وَأَعْرُوا بَيْنَكُمْ بِمَعْرُوفٍ ۝ وَإِنْ تَعَاسَرُمْ فَسَرْتُرْضِعُ لَهُ أُخْرَىٰ ۝

Maksudnya: Tempatkanlah isteri-isteri (yang menjalani idahnya) itu di tempat kediaman kamu sesuai dengan kemampuan kamu; dan janganlah kamu adakan sesuatu yang menyakiti mereka (di tempat tinggal itu) dengan tujuan hendak menyusahkan kedudukan mereka (supaya mereka keluar meninggalkan tempat itu). Dan jika mereka berkeadaan sedang mengandung, maka berikanlah kepada mereka nafkahnya sehingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya; kemudian jika mereka menyusukan anak untuk kamu, maka berikanlah kepada mereka upahnya; dan berundinglah di antara kamu (dalam hal menyusunya) dengan cara yang baik. Dan (sebaliknya) jika kamu (dari kedua pihak) mengalami kesulitan, maka bolehlah perempuan lain menyusukannya.

(Al-Talaq 65:6)

Selain itu, ayat Al-Quran lain yang menyebut perihal *ijarah* boleh dirujuk di dalam surah Al-Qasas ayat 26 dan 27 yang bermaksud:

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَا أَبَتِ اسْتَأْجِرْهُ ۝ إِنَّ حَيْرًا مِنْ اسْتَأْجِرْتَ الْقَوْيِيْ الْأَمِينُ () قَالَ إِنِّي أُرِيدُ أَنْ أُنْكِحَكَ إِحْدَى ابْنَيَ هَاتِئِنِ عَلَىٰ أَنْ تَأْجِرِنِي ثَمَانِي حِجَاجٍ ۝ فَإِنْ أَتَمْتَ عَشْرًا فَمِنْ عِنْدِكَ ۝ وَمَا أُرِيدُ أَنْ أَشْقَى عَلَيْكَ ۝ سَتَجِدُنِي إِنْ شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّالِحِينَ

Maksudnya: Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: "Wahai ayah, ambilah dia menjadi orang upahan (mengembala kambing kita), sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah". Bapa perempuan itu berkata (kepada Musa): "Aku hendak mengawinkanmu dengan salah seorang dari dua anak perempuanku ini, dengan syarat bahawa engkau bekerja denganku selama delapan tahun; dalam pada itu, jika engkau genapkan menjadi sepuluh tahun, maka yang demikian itu adalah dari kerelaanmu sendiri. Dan (ingatlah) aku tidak bertujuan hendak menyusahkanmu; engkau akan dapati aku Insya Allah, dari orang-orang yang baik layanannya".

(Al-Qasas 28:26-27)

Tambahan lagi terdapat hadis yang membicarakan berkenaan *ijarah*. Seperti contoh hadis Dari ‘Aisyah RA, beliau berkata yang bermaksud:

وَاسْتَأْجِرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَئْبُو بَكْرٍ رَجُلًا مِنْ بَنِي الدَّيْلِ ثُمَّ مِنْ بَنِي عَبْدِيِّ هَادِيَا
خَرَبَنَا الْخَرْبَةَ الْمَاهُرُ بِاَهْدَاءِ

Maksudnya: “Nabi Shallallahu ‘alaihi wa sallam beserta Abu Bakar menyewa (mengupah) seorang penunjuk jalan yang mahir dari Bani ad-Dail kemudian dari Bani ‘Abdu bin ‘Adi.”

(Riwayat Bukhari)

Berdasarkan kepada ayat Al-Quran dan hadis yang membicarakan berkenaan *ijarah*, maka dapat dinyatakan bahawa *ijarah* merupakan satu transaksi yang diakui dalam agama Islam. Pelaksanaan *ijarah* melihat kepada beberapa rukun dan syarat untuk menyempurnakannya. Antara rukun *ijarah* ialah wujudnya individu yang menyewakan sesuatu barang atau objek. (*Mu’ajjr* dan *Musta’jur*). Kemudian wujudnya akad antara penyewa dan pemberi sewa. Kemudian, wujudnya *sighah ijab* dan *qabul*. Seterusnya wujudnya upah (*ujrah*). Kemudian, wujudnya manfaat yang baik antara pihak yang menyewakan dan penyewa.

Antara syarat bagi *ijarah* pula ialah kedua pihak yang melakukan transaksi *ijarah* telah cukup umurnya (baligh) dan berakal sejahtera. Seterusnya kedua pihak yang berurusan melaksanakan urusan mereka dengan kerelaan dan bukan dengan paksaan daripada pihak lain. Seterusnya barang yang menjadi objek transaksi perlu jelas keberadaannya. Kemudian, barang yang menjadi objek transaksi juga perlu berstatus halal dan sesuai dengan syariat Islam. Tambahan lagi, antara syarat *ijarah* yang lain ialah barang yang menjadi objek transaksi mesti menjadi hak *Mu’jar* menerusi izin pemiliknya. Selain itu, manfaat yang diperoleh perlulah diterangkan secara jelas.

Berdasarkan kepada konteks penggunaan aplikasi Foodpanda ini, transaksi *ijarah* yang berlaku ialah *ijarah* pekerjaan. Ijarah pekerjaan ini ialah merujuk kepada pekerjaan atau tugas yang membawa kepada terhasilnya objek sewaan yang berbentuk pekerjaan atau jasa daripada pelaksanaannya seperti contoh menjahit baju, membina bangunan, memperbaiki barang yang rosak ataupun menghantar barang.

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN APLIKASI FOODPANDA

Selain itu, penggunaan aplikasi Foodpanda ini akan melibatkan kepada rujukan terhadap perundangan Malaysia yang terkini. Apabila dirujuk daripada sudut perundangan, kontrak qardh dan *ijarah* yang dilakukan menerusi aplikasi Foodpanda ini merujuk kepada undang-undang kontrak. Demi memberi perlindungan kepada pihak-pihak yang berurusan dalam satu kontrak, maka undang-undang kontrak mengawalselia dan memberikan perlindungan kepada pihak yang berurusan tersebut. Undang-undang yang berkaitan dengan kontrak seperti contoh menerusi aplikasi Foodpanda ini terdapat pada Akta Kontrak 1950. Akta Kontrak ini terbahagi kepada beberapa pembahagian berkenaan kontrak dan ia menjadi rujukan utama untuk isu yang berlaku berkaitan kontrak. Bahagian tersebut iaitu:

- i. pemakaian dan tafsiran (Seksyen 1 dan 2);
- ii. mengenai cadangan, penerimaan, komunikasi dan pembatalan cadangan (Seksyen 3 hingga Seksyen 9);
- iii. kelayakan berkontrak, kontrak batal dan boleh batal (Seksyen 10 hingga Seksyen 31);

- iv. mengenai kontrak-kontrak bertaklik (Seksyen 32 hingga Seksyen 37);
- v. pelaksanaan kontrak (Seksyen 38 hingga Seksyen 68);
- vi. hubungan yang seakan-akan kontrak (Seksyen 69 hingga Seksyen 73);
- vii. kesan pecah kontrak (Seksyen 74 hingga Seksyen 76);
- viii. tentang indemniti dan jaminan (Seksyen 77 hingga Seksyen 134);
- ix. agensi (Seksyen 135 hingga Seksyen 191).

Di negara Malaysia, Akta Perdagangan Elektronik 2006 (Akta 658) berperanan untuk mengawal aktiviti jual beli dan kontrak yang berlaku secara elektronik. Ia mengiktiraf urusniaga perdagangan menerusi peralatan elektronik serta bentuk-bentuk lain dalam perdagangan. Akt aini terpakai bagi semua urus niaga elektronik termasuklah perdagangan secara elektronik yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri. Walaubagaimanapun, berdasarkan kepada Jadual Seksyen 2 Akta ini, ia tidak meliputi transaksi secara elektronik yang mempunyai kaitan dengan surat cara boleh niaga, pembentukan amanah, pembentukan wasiat dan juga surat kuasa wakil. Manakala Seksyen 3 Akta ini memperuntukkan bahawa ia tertakluk kepada kebenaran daripada seseorang yang terlibat dalam suatu transaksi perdagangan elektronik dan peruntukan Akta ini bukanlah sesuatu yang mandatori.

Perundangan lain yang berkaitan dengan transaksi kontrak secara elektronik ialah Akta Sistem Pembayaran 2003. Akta ini digubal demi melancarkan sistem pembayaran, perjalanan operasi dan juga memelihara kepentingan orang awam yang berurusan untuk suatu kontrak. Menerusi Akta ini, Bank Negara Malaysia mempunyai kuasa untuk mengawal instrument pembayaran dan juga sistem pembayaran yang melibatkan institusi kewangan serta institusi lain yang terlibat dalam urusan perdagangan elektronik. Akta ini secara ringkasnya melaksanakan dua kaedah seliaan. Kaedah tersebut iaitu pengawalseliaan terhadap pengeluar instrumen pembayaran. Manakala satu lagi kaedah iaitu pengawalseliaan terhadap sistem pembayaran.

Berdasarkan kepada Akta ini, Bank Negara Malaysia berbidang kuasa untuk menghalang sebarang operasi sistem pembayaran yang berisiko mengancam keselamatan, kecekapan dan keberkesaan sistem pembayaran. Selain itu, Bank Negara Malaysia juga dalam melindungi kepentingan orang awam, boleh memutuskan suatu sistem pembayaran yang sesuai untuk orang awam. Bank Negara Malaysia berhak menentukan kaedah perlaksanaan bagi sesebuah organisasi yang menjalankan sistem pembayaran yang ditetapkan olehnya. Bank Negara Malaysia juga berkuasa untuk menetapkan suatu instrumen pembayaran sebagai suatu instrument pembayaran yang ditetapkan. Hal ini ialah untuk menjaga keselamatan transaksi pembayaran yang dilaksanakan. Antara pelaksanaan daripada Bank Negara Malaysia ialah mengeluarkan kelulusan terhadap penggunaan instrumen pembayaran seperti contoh wang tunai elektronik, kad debit dan juga kad kredit. Selain itu, Bank Negara Malaysia juga akan mengenalpasti kebolehpercayaan instrumen pembayaran yang digunakan untuk suatu transaksi elektronik.

Selain daripada perundangan yang telah dinyatakan, wujud perundangan lain yang berkaitan dengan aplikasi Foodpanda. Contoh perundangan tersebut seperti Akta Perlindungan Peribadi 2010. Akta ini mencegah semua bentuk salah guna terhadap penstoran dan

pemprosesan data peribadi dan melindungi keselamatan data peribadi setiap pengguna, data awam dan juga data swasta di Malaysia dalam urusan transaksi. Selain itu, Akta Hak Cipta 1997 memainkan peranannya dalam soal tanggungan disebabkan pelanggaran hak cipta. Hal ini termasuklah pelanggaran hak cipta di dunia maya yang dilakukan oleh penyedia perkhidmatan internet. Selain itu, Akta Keterangan 1950 juga memperkatakan tentang bahan-bahan yang diterima sebagai pembuktian. Hal ini termasuklah pembuktian berasal daripada komputer seperti perbualan, gambar, pernyataan dan lain-lain. Tambahan lagi, Kanun Keseksaan juga mempunyai kaitannya dengan penggunaan alat dan aplikasi elektronik sebagai contoh melibatkan kesalahan jenayah seperti pecah amanah, peras ugut, penipuan dan lain-lain. Manakala peruntukan lain yang dilihat berkaitan dengan aplikasi elektronik juga termasuklah Akta Jenayah Komputer 1997. Akt aini memperuntukkan berkenaan hukuman yang dikenakan terhadap kesalahan jenayah melibatkan penggunaan peralatan elektronik yang melibatkan komputer seperti contoh akses yang tidak sah ke atas suatu program, pengubahan data dan juga sebarang pencerobohan data.

KES-KES MELIBATKAN PERDAGANGAN ELEKTRONIK

Secara umum, aplikasi Foodpanda merupakan suatu aplikasi moden yang boleh digunakan oleh setiap pengguna peranti mudah alih. Tetapi, pengguna aplikasi Foodpanda dan pengguna aplikasi yang lain ini juga tidak terlepas daripada risiko berlakunya tuntutan ataupun jenayah melibatkan penggunaan aplikasi perdagangan elektronik. Wujud beberapa kes yang boleh dijadikan rujukan berkenaan perdagangan elektronik. Antara contoh kes yang boleh dilihat ialah kes Thomas Iwn BPE Solicitors (Firma) yang berlaku pada tahun 2010. Hakim Blair dalam kes ini memutuskan bahawa kes penerimaan yang dilaksanakan secara e-mel, maka ia memakai prinsip seperti mana penerimaan secara pos. Hakim menyatakan alasannya bahawa sebelum suatu e-mel itu sampai sepenuhnya kepada penerima, e-mel tersebut perlu melalui sistem Penyedia Perkhidmatan Penghantaran terlebih dahulu dan kemudian masuk ke terminal komputer (Cheong May Fong, 2006). Alasan penghakiman ini dilihat merujuk kepada proses penghantaran maklumat itu sendiri.

Antara kes lain yang boleh dijadikan rujukan berkenaan perdagangan elektronik seperti contoh ialah kes Choo Tiong Hin dll Iwn Choo Hock Swee yang berlaku pada 1959. Hakim dalam kes ini memutuskan bahawa perjanjian kekeluargaan yang dibuat antara dua pihak ini tidak menunjukkan kepada niat untuk mengikat diri dan komited kepada perjanjian tersebut. Namun, apabila merujuk kepada Akta Perdagangan Elektronik pula, niat pihak yang terlibat dalam suatu kontrak secara elektronik boleh dijelaskan kepada perakuan dan persetujuan pihak-pihak yang menggunakan kaedah atau aplikasi elektronik, menyempurnakan transaksi yang diperlukan sehingga suatu kontrak yang sah terbentuk

Kes lain yang boleh dirujuk berkenaan perdagangan elektronik ialah kes Chwee Kin Keong Iwn Digilandmall.com Pte Ltd pada tahun 2005. Dalam kes ini pihak Digilandmall yang merupakan defendant telah mengeluarkan iklan berkenaan pencetak laser Hewlett-Packard dengan harga \$66 bagi setiap unit. Chwee Kin Keong yang merupakan plaintiff bagi kes ini Bersama rakan-rakannya telah melakukan tempahan secara atas talian untuk pencetak laser berkenaan sebanyak 1600 unit. Pihak defendant dalam kes ini, menyedari wujudnya kesilapan

berkenaan transaksi ini, bertindak memaklumkan pesanan Plaintiff tidak akan diproses dan tidak dapat diteruskan. Plaintiff kemudiannya membuat tuntutan terhadap Defendan atas alasan bahawa Plaintiff telah pecah kontrak. Dalam kes ini, Mahkamah Rayuan telah menolak tuntutan Plaintiff. Mahkamah Rayuan mengatakan alasan bahawa khilaf yang berlaku ialah khilaf yang sebenar. Seterusnya Mahkamah Rayuan mengatakan bahawa Plaintiff tidak sepatutnya bertindak mengambil kesempatan disebabkan kelemahan dan kekurangan yang didapati pada pihak Defendan. Apa yang wajar untuk dilaksanakan ialah pihak yang melaksanakan kontrak atau transaksi secara elektronik hendaklah memahami bahawa kontrak yang dimasuki secara terbuka tanpa mengetahui keseluruhannya berkenaan pihak yang satu lagi dalam suatu kontrak itu dan kepercayaan terhadap suatu maklumat tanpa pengesahan merupakan suatu asas yang tidak boleh diabaikan. Manakala Akta Kontrak 1950 memperuntukkan bahawa kontrak yang terbentuk tanpa kerelaan pihak-pihak yang berkontrak secara bebas adalah terbatal. Hal ini kerana pihak yang terkilan dalam kontrak sedemikian mempunyai pilihan untuk meneruskan atau membatalkan kontrak yang sedemikian.

Selain itu, kes lain yang boleh dijadikan rujukan berkenaan perdagangan elektronik ialah kes State lwn Fleck. Dalam kes ini, Mahkamah memutuskan bahawa paparan maklumat pada laman sesawang sosial perlulah dibuktikan menerusi keterangan daripada saksi. Dalam situasi kes ini, laman sesawang tersebut ialah Facebook, dan pembuktian perlulah daripada pemilik akaun Facebook itu sendiri. Untuk situasi sebegini, maka untuk ketepatan pembuktian melalui data laman web, maka pihak yang mewujudkan laman web tersebut atau istilahnya *webmaster* boleh mengesahkan data laman web tersebut menerusi keterangan atau sijil perakuan yang dikeluarkan (Gita Radhakrishna, 2014).

Antara kes yang lain berkaitan dengan perdagangan elektronik ialah kes Argos pada tahun 2007. Dalam kes ini, berlaku kesilapan pengiklanan oleh sebuah syarikat berkenaan penjualan sebuah televisyen di dalam laman web mereka. Kesilapan pada iklan tersebut ialah televisyen tersebut dijual dengan harga 100 kali ganda lebih murah daripada harga yang sebenar. Seorang pelanggan telah melakukan tempahan terhadap televisyen tersebut dan pihak syarikat pula cuba untuk mengenepikan tempahan yang telah dilaksanakan. Mahkamah memutuskan untuk kes ini ialah telah wujud kontrak antara pelanggan dengan syarikat. Menurut peruntukan yang terdapat dalam undang-undang iaitu Regulation 12 of the E-Commerce (EC Directive) Regulations 2002, ia menyatakan bahawa iklan dalam laman web peruncit dianggap sebagai pelawaan untuk berkontrak. Hal ini seterusnya membawa kepada satu pengiktirafan bahawa pesanan yang dibuat oleh pelanggan ialah berdasarkan kepada iklan yang telah dibuat seterusnya menjadi satu bentuk pelawaan untuk berkontrak (Jill Poole, 2015).

Selain itu, kes lain yang boleh dijadikan rujukan berkenaan perdagangan elektronik ialah kes Mehta lwn J Pereira Fernandes S.A. Kes ini menunjukkan kepada kepentingan tandatangan digital dalam kontrak elektronik. Dalam kes ini, syarikat Plaintiff telah ditawarkan jaminan peribadi dengan sejumlah wang £25,000 menerusi e-mel. E-mel yang diterima oleh Plaintiff ini tidak mempunyai tandatangan Defendan. Walaubagaimanapun, Defendan menyatakan bahawa e-mel itu dihantar kepada syarikat Plaintiff oleh pekerja Defendan berdasarkan arahan Defendan sendiri. Seterusnya bagi mengesahkan penerimaan tawaran tersebut, maka peguam plaintiff telah menghubungi Defendan bagi urusan pengesahan. Mahkamah dalam kes tersebut

memutuskan bahawa paparan alamat e-mel Defendan tidak cukup dijadikan bukti. Manakala suatu e-mel yang tidak ditandatangani atau disahkan, tidak boleh dijadikan sebagai bukti untuk penerimaan tawaran. Oleh itu, berdasarkan kes-kes yang berlaku melibatkan perdagangan elektronik, maka ini merupakan perkara-perkara yang berisiko untuk berlaku apabila melibatkan penggunaan aplikasi Foodpanda yang merupakan salah satu bentuk perdagangan elektronik dan ia boleh digunakan oleh setiap pemilik peranti elektronik.

TINJAUAN TERHADAP AKAD YANG DILAKSANAKAN MENERUSI APLIKASI FOODPANDA

Berdasarkan kepada transaksi muamalat di dalam Islam, hukum *qardh* dan *ijarah* tidak boleh digabungkan. Hal ini kerana Islam menutup ruang kezaliman, iaitu apabila wujud kemungkinan pemberi pinjam menperoleh keuntungan daripada akad *ijarah*. Tetapi, hal ini berlainan pula sekiranya dapat dibuktikan bahawa pihak pemberi pinjam tidak mengambil keuntungan daripada pelaksanaan kerja oleh penghantar suatu makanan yang dipesan menerusi aplikasi Foodpanda dan ia dapat dibuktikan sedemikian. Berdasarkan kepada hal ini, ia diharuskan dan dibenarkan.

Selain itu, suatu transaksi muamalat di dalam Islam ialah diharuskan. Hal ini ialah selagi mana tiada perkara-perkara yang menyebabkan suatu transaksi muamalat tersebut menjadi haram. Apabila melihat kepada transaksi melibatkan aplikasi Foodpanda yang wujud pada zaman moden ini pula tiada dalil yang menyebut berkenaan keharamannya. Oleh itu, sebagai seorang yang beragama Islam, seseorang itu perlu mengelakkan dirinya daripada suatu transaksi yang tidak jelas pada akad yang dilaksanakannya.

PENUTUP

Penggunaan aplikasi Foodpanda yang terdapat di dalam peranti elektronik zaman moden ini dilihat mempraktikkan akad *qardh* dan akad *ijarah*. Berdasarkan kepada aplikasi dan pembuktian pelaksanaan bermula daripada pembeli makanan membuat pesanan, sistem aplikasi Foodpanda menerima pesanan, penghantar makanan menerima pesanan, kemudian mengambil makanan dan menghantar makanan sehingga diterima oleh pembeli dan pembayaran disempurnakan, maka ia dibenarkan oleh Syarak. Wujud undang-undang yang memperuntukkan berkenaan aplikasi Foodpanda yang merupakan salah satu daripada bentuk perdagangan elektronik. Wujud juga kes-kes berkaitan perdagangan elektronik yang boleh dijadikan rujukan sekiranya melibatkan aplikasi Foodpanda.

RUJUKAN

- Amalia, Laili Nur. (1915). Tinjauan Ekonomi Islam Terhadap Penerapan Akad Ijarah Pada Bisnis Jasa Laundry. *Jurnal ekonomi dan hukum Islam*, 5(2).
- Anam, Mohamad Hoirul. (2019). Transaksi Jual Beli On-Line (Instagram) dengan Akad Salam. *Momentum*, 7(2), 27-48.
- Cheong May Fong. (2006). *E-Commerce in Malaysia: Issues and Challenges in The Formation of Contracts, ICT its Impact on Selected Areas of the Law*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press

- Dwi, Martini. (2014). Perdagangan elektronik (e-commerce) dalam perspektif Islam. *Ijtihad: Jurnal Hukum dan Ekonomi Islam*, 8(2), 203-226.
- Gita Radhakrishna. (2014). Distinguishing Between Admissibility and Authenticity of Electronic Evidence. [2014] 6 MLJ xxxv.
- Hidayah Ardiana. (2020). Akad Perdagangan Electronic Commerce ditinjau dari Kompilasi Hukum Ekonomi Syariah. *Prodising ISID*, (1), 226-232.
- Hidayati, Nurul, dan Agus Sarono. (2019). Pelaksanaan Akad Qardh Sebagai Akad Tabbaru. *Notarius*, 12(2), 931-947.
- Jill Poole. (2015). Concentrate Contract Law. 2nd Edition. United Kingdom: Oxford University Press.
- Khisom, Muhammad. (2019). Akad Jual Beli Online Dalam Perspektif Hukum Islam Dan Hukum Positif. *Turatsuna: Jurnal Keislaman dan Pendidikan*, 1(1), 59-67.
- Nurhayati. (2022). Transaksi Perniagaan Secara Elektronik Dalam Perspektif Hukum Islam. *Milkiyah: Jurnal Hukum Ekonomi Syariah*, 1(1), 1-7.
- Siregar, Padian Adi Salamat. (2019). Keabsahan Akad Jual Beli Melalui Internet Ditinjau dari Hukum Islam. *EduTech: Jurnal Ilmu Pendidikan dan Ilmu Sosial*, 5(1).
- Suhaimi, Rosnaimizam, Ismail Ahmad, Mohd Hapiz Mahaiyadin, (2021). Akad Jual Beli dalam Talian Berasaskan Prinsip Fiqh Muamalat. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 6(2), 1-11.

STATUT

- Akta Kontrak 1950.
Akta Perdagangan Elektronik 2006.
Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.
Akta Sistem Pembayaran 2003.
Akta Tandatangan Digital 1997.
E-Commerce (EC Directive) Regulations 2002

KES-KES

- Thomas lwn BPE Solicitors (a firm) [2010] EWHC 306
Choo Tiong Hin dll lwn Choo Hock Swee [1959] MLJ 67
Chwee Kin Keong lawan Digilandmall.com Pte Ltd [2005] 1 SLR 502
Argos (2007)
Mehta lwn J Pereira Fernandes S.A [2006] EWHC 813 Ch